

# Kenang budi dengan kerja sukarela

► **NAZRY MOKHTAR**  
nazry@sph.com.sg

ORANG berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa.

Peribahasa ini menggambarkan dengan tepat apa yang tersirat dalam hati Encik Siraj Salman apabila menabur bakti kepada masyarakat.

Beliau terutang budi kerana berjaya meniti tangga kejayaan hingga ke menara gading berkat sumbangan subsidi pendidikan yang pernah diterimanya.

Bantuan dalam bentuk Subsidi Yuran Pengajian Tinggi (TTFS) itu dirasakan cukup bermakna bagi dirinya kerana membantu meringankan beban keluarga.

Ayahnya yang bekerja sebagai pekerja am di sebuah syarikat penguasaan lapangan terbang merupakan satu-satu pencari nafkah dalam keluarga dua beradik ketika itu.

Dengan bantuan sedemikian, Encik Siraj mampu menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran dan tidak perlu bekerja sambil untuk menokok wang saku bagi perbelanjaan harian.

“Bantuan pendidikan yang saya terima amat besar ertinya dan mendorong saya menyumbang kembali kepada masyarakat.

“Saya tidak mahu lupa budi dan berharap dapat menghulurkan bantuan sedaya yang saya mampu,” ujar pemuda berusia 34 tahun itu yang berjaya meraih diploma dalam bidang Perhubungan Maklumat daripada Politeknik Temasek.

Bekas guru sekolah menengah itu yang kini memiliki agensi tuisyennya sendiri, Torch Tutors, melibatkan dirinya dalam pelbagai kegiatan kemasyarakatan pada peringkat masyarakat dan nasional.

Beliau merupakan anggota Majlis Eksekutif Jamiyah dan anggota Jawatankuasa Pengurusan Rumah Kanak-Kanak Jamiyah Darul Ma’wa.

Bagi menambah lagi saham akhira, beliau turut menawarkan diri sebagai Anggota Lembaga Pengurusan Masjid Al-Islah di Punggol.

Di samping itu, beliau turut menyumbang di kejirannya menerusi penglibatan sebagai Naib



**MENYUMBANG KEMBALI KEPADA MASYARAKAT:** Encik Siraj Salman berjaya ke menara gading berkat sumbangan subsidi pendidikan yang diterimanya. – Foto NAZRY MOKHTAR

Pengerusi Jawatankuasa Penduduk (RC) Waterway dan anggota Kumpulan Keyakinan Antara Kaum dan Agama (IRCC) Punggol Coast.

Sebenarnya, penglibatannya dalam masyarakat bukanlah baru. Encik Siraj mula berjinak-jinak dengan kerja sukarela pada usia belasan tahun selepas diajak oleh rakan sebaya.

“Kawan saya bergurau dengan saya dan berkata kita banyak ‘dosa’ dan perlu membersihkan diri dalam kerja sukarela. Bagi saya, menyumbang kepada masyarakat juga merupakan suruhan Illahi.

“Harapan saya ialah merangsang lebih ramai pemimpin masyarakat agar tampil dan menyumbang kepada masyarakat,” kata ayah dua anak itu yang berumah tangga dengan seorang guru sekolah.

Bekas pelajar Sekolah Menengah

East View itu juga berharap dapat menggunakan pengalaman peribadi untuk merangsang golongan muda.

Selepas tamat Perkhidmatan Negara (NS), beliau bekerja di sebuah syarikat kejuruteraan sambil mengikuti pengajian ijazah Sarjana Muda dalam Perhubungan Massa di Institut Pengurusan Singapura-Universiti RMIT (SIM-RMIT) secara sambilan.

“Sebenarnya, saya berhasrat melanjutkan pengajian ke luar negara tetapi tidak mahu membebankan orang tua. Jadi, saya bekerja dahulu untuk membantu keluarga dan belajar secara sambilan,” katanya.

Encik Siraj kini memiliki Sarjana dalam Perhubungan Massa daripada Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Pensijilan Lanjut dalam Latihan dan Penilaian (ACTA) daripada Agensi Pembangunan Tenaga Kerja (WDA).

## BIODATA

**Nama:** Siraj Salman

**Umur:** 34 tahun

**Kerjaya:** Pemilik agensi tuisyen Torch Tutors

### Kerja

#### Kemasyarakatan:

► Anggota Majlis Eksekutif Jamiyah dan anggota Jawatankuasa Pengurusan Rumah Kanak-Kanak Jamiyah Darul Ma’wa

► Anggota Lembaga Pengurusan Masjid Al-Islah di Punggol

► Turut menyumbang di kejirannya menerusi penglibatan sebagai Naib Pengerusi Jawatankuasa Penduduk (RC) Waterway

► Anggota Kumpulan Keyakinan Antara Kaum dan Agama (IRCC) Punggol Coast

**Status:** Sudah berumah tangga dan mempunyai dua cahaya mata

Kedua pensijilan tersebut turut diikuti secara sambilan untuk melengkapi kemahiran diri.

Mengenai rancangan masa depannya, beliau berharap dapat mengembangkan agensi tuisyennya menjadi portal satu perhentian dalam pembangunan kanak-kanak.

“Saya pernah alami hidup serba sederhana. Saya sudah lakukan bermacam-macam kerja rencam daripada pemandu valet kepada pegawai pemasaran di pertubuhan sukarela. Dalam perniagaan, permohonan saya mendapatkan dana juga pernah ditolak.

“Di sebalik kegagalan dan kepayahan, saya cuba fokus kepada matlamat akhir saya. Saya juga cuba bertindak ke atas maklum balas membina yang saya terima. Pengajaran seperti inilah yang cuba saya terapkan apabila mendekati masyarakat dalam kerja sukarela saya,” katanya.